

**S**elepas banyak usaha dijalankan bagi mengatasi masalah pencemaran alam sekitar, penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) tampil dengan modul Ekopsikologi yang lebih menekankan kepada aspek kesedaran kepada aspek kesedaran mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar.

Pengarah Putra Science Park UPM, Prof Madya Dr Samsilah Roslan, berkongsi pandangan mengenai modul berasaskan psikologi itu mampu mengubah sikap seseorang dalam penjagaan alam sekitar seperti yang disampaikan kepada wartawan Varsiti, BASIR ZAHROM.

**S: Bolehkah Dr kongsi kan serba sedikit latar belakang mengenai kajian ekopsikologi ini?**

**J:** Modul Pendekatan Ekopsikologi dalam Pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar ini dihasilkan oleh pelajar ijazah doktor falsafah (PhD), Dr Tiwi Kamidin, yang sudah bergraduasi bersama-sama saya sejak tahun 2008.

Isu alam sekitar sudah lama diberi perhatian di negara ini sehingga Kementerian Pendidikan pun ada mewujudkan pendidikan alam sekitar di sekolah dan institut pendidikan guru (IPG).

Biar pun sudah dilaksanakan, kita tidak pasti kesannya kepada mereka yang belajar sama ada menjadi agen perubahan terhadap penjagaan alam sekitar yang baik atau sebaliknya.

Modul kajian ini menggabungkan dua elemen, iaitu ekologi dan psikologi, kerana kita mahu menanam kesedaran bahawa manusia dan alam sekitar sebenarnya tidak dapat dipisahkan. Ini bermakna jika kita merosakkan alam sekitar, padahnya tetap akan kita terima.

Kini berlaku jerebu serta masalah pencemaran air, dan contoh terdekak bahawa pengabaian penjagaan alam akan memudaratkan kita semua.

Dalam al-Quran ada disebut kerosakan di muka bumi ini disebabkan oleh tangan manusia sendiri dan kita tahu mengenyainya, namun



# Psikologi memulihara alam sekitar

begitu pengetahuan itu tidak sampai ke tahap penghayatan dan tidak tertanam dalam jiwa kita.

Jadi, objektif kajian ini supaya masyarakat mampu menghayati bahawa manusia dan alam itu sehati, dalam erti kata lain jika kita menyakiti alam bermakna menyakiti diri sendiri.

Di Barat, kajian ekopsikologi memang sudah lama wujud, namun modul yang dibangunkan mengikut ideologi atau cita rasa mereka, manakala modul Dr Tiwi dan saya adalah garapan mengikut agama dan budaya di Malaysia serta pelbagai konsep bersesuaian, meliputi nilai spiritual supaya akhirnya sesuai dihayati di negara ini.

Modul ini diuji kepada 158 responden, iaitu separuh yang 'dirawat' atau mengikuti modul dan separuh lagi mengikutinya dari sebuah IPG.

Mereka yang mengikuti modul ini mencatatkan skor tinggi dalam nilai ekopsikologi dan nilai spiritual yang mengukur nilai dalaman kita,

seterusnya mempengaruhi tindakan diri terhadap alam sekitar.

**S: Apakah pengisian modul ini?**

**J:** Modul ini mengandungi enam topik serta 10 aktiviti yang menekankan definisi ekopsikologi pada peringkat awal dan aktiviti lain yang memfokuskan penanaman sifat kesedaran terhadap kepentingan penjagaan alam kepada responden.

Antara aktiviti menarik dalam modul ini ialah mewujudkan kesedaran kepada peserta bahawa mereka adalah sebahagian daripada ciptaan Tuhan dan sebahagian daripada alam yang juga ciptaan Tuhan, jadi mereka akan merasai ada hubungan mendalam dengan alam dan bukan lebih tinggi daripadanya.

Dalam aktiviti itu, peserta akan faham bahawa kita tidak boleh terpisah dengan nasib alam sekitar. Jika alam sekitar elok, maka eloklah kita, tetapi jika rosak dan bermasalah, kita akan mene-

“**SETIAP PERBUATAN MANUSIA PASTI MENINGGALKAN JEJAK POSITIF ATAU NEGATIF, BEGITU JUGA DALAM KONTEKS ALAM SEKITAR**”

rima nasib yang sama.

Dalam aktiviti lain, peserta diberi pula kesedaran bahawa alam sekitar adalah amanah Tuhan kepada kita. Amanah itu adalah komitmen terhadap iman dan agama kita, tanpa mengira agama yang dianuti.

Peserta juga akan dapat memahami bahawa alam sekitar mempunyai ekosistem kompleks, maka ada keberuntungan antara satu sama lain. Oleh itu, jangan fikir jika membuang sampah di dalam hutan tidak memberi kesan kepada kehidupan manusia kerana perbuatan itu saling berkait dalam rangkaian ekosistem alam.

Pemahaman itu akan dirasai apabila mereka mengikuti aktiviti imaginasi berpandu. Dalam aktiviti itu, peserta perlu pejam mata dan membayangkan diri mereka sebagai hidupan dalam tasik, contohnya plankton atau ikan, dan peranan kita

terhadap alam serta bagaimana pula jika berlaku pencemaran air.

Pendekatan yang digunakan bukan sekadar mendengar ceramah, tetapi menjalankan aktiviti yang benar-benar meninggalkan kesan kerana peserta perlu membuat pembentangan, melukis, berbincang dan menulis, supaya tidak pasif.

Antara aktiviti lain yang menarik dalam modul ini ialah peserta perlu mengisi borang diari satu hari yang mengklasifikasikan aktiviti dilakukan sama ada menyumbang kepada pencemaran atau pemuliharaan, seterusnya membuat rumusan.

**S: Apakah kesan yang ketara didapati pada responden?**

**J:** Kajian ini dijalankan selama empat bulan dan perubahan paling ketara selepas tempoh kajian pun, responden masih kekal sikap nilai tinggi terhadap alam sekitar.

Selepas menjalani 10 aktiviti berkenaan, peserta sudah mampu memberi sumbangan dalam penjagaan alam, bayangkan jika lebih lagi.

Sebagai manusia, kita mempunyai fitrah untuk menjaga alam sekitar, namun mungkin terlalu sibuk dalam kehidupan seharian, justeru modul ini menekankan kesedaran.

Selama ini, kita lebih didehkan kepada aktiviti seperti kitar semula dan penanaman pokok, namun ada mahasiswa melakukannya hanya untuk mendapatkan jam kredit dan sekadar program seharian, bukan ke tahap penghayatan.

Dalam temu bual yang dibuat dalam kajian itu, jumlah sampah dihasilkan responden berjaya dikurangkan, selain sumber tenaga dapat dijimatkan.

Elemen penerapan nilai sudah wujud, tetapi hanya pada tahap kognitif (pengetahuan) dan tidak mendalam hingga penghayatan, jadi kami mahu mengembangkan kajian ini kepada sampel yang lebih besar.

Saya yakin modul ini boleh diterapkan, cuma kini perlu menyakinkan masyarakat untuk mengikuti modul ini serta menghentikan perkara negatif terhadap alam sekitar.

**S: Apakah harapan Dr untuk kajian ini?**

**J:** Harapan saya adalah menambah baik kajian ini mengikut kesesuaian sampel yang pelbagai dari segi peringkat umur kerana keadaan alam sekitar membimbangkan, termasuk masalah udara dan air.

Psikologi alat yang sangat berkesan untuk mencapai tujuan tertentu, begitu juga dengan modul yang kami hasilkan.

Saya selalu menekankan persoalan - apakah perbuatan kita yang meninggalkan jejak positif terhadap alam sekitar? Setiap perbuatan manusia pasti meninggalkan jejak positif atau negatif, begitu juga dalam konteks alam sekitar.

Sehingga ini, banyak usaha dilakukan seperti kempen cintailah sungai dan alam sekitar melalui televisyen mahupun radio tetapi mengapa semua itu tidak mendapat maklum balas yang diharapkan?

Psikologi mampu memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap alam sekitar sehingga ke tahap sedar dan hendak sepenuhnya, namun begitu saya perlu meningkatkan modul ini kepada potensi maksima dengan memperluas kajiannya.

Saya mahu menambah baik mengikut peringkat umur. Kata orang, melentur buluh biar dari rebungnya, jadi saya akan memulakannya untuk khalayak kanak-kanak, namun perlu berbincang dengan pakar kanak-kanak supaya bersesuaian mengikut tahap pemikiran mereka.

Selain kanak-kanak di pra-sekolah, modul juga boleh disediakan pada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, universiti dan orang awam. Diharapkan pada peringkat sekolah, Kementerian Pendidikan boleh menjadikannya sebagai mata pelajaran.

Pada peringkat universiti pula, boleh dijadikan subjek wajib seperti Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) supaya dapat memberi kesan mendalam kepada mahasiswa.

Bagaimanapun, terlebih dahulu tenaga pengajarnya perlu mempunyai nilai tinggi dalam penjagaan alam sekitar kerana ia tidak akan tercapai matlamat sekiranya pendidik tidak mengamalkan perkara yang mereka sendiri ajarkan.



**Program menanam pokok** anjuran Universiti Putra Malaysia dengan tajaan Mitsubishi di Kampus UPM Bintulu, Sarawak.